



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1986
DR.33/1986

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara.

[]

BAHAWASANYA adalah bermanfaat dipinda Kanun Tanah Negara bagi maksud semata-mata untuk menentukan keseragaman undang-undang dan dasar:

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan-peruntukan Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan **INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1986.

Tajuk ringkas dan pemakaian.

(2) Akta ini hendaklah terpakai di seluruh Malaysia Barat.

2. Seksyen 43 Kanun Tanah Negara, yang dalam Akta ini disebut sebagai “Kanun”, adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “Subject to the provisions of Part Thirty-Three (A), the powers” dengan perkataan-perkataan “The powers”.

Pindaan seksyen 43. Akta 56/65.

3. Kanun adalah dipinda dengan memotong keseluruhan Bahagian Tiga Puluh Tiga (A).

Pindaan Bahagian Tiga Puluh Tiga (A).

Pindaan
seksyen
436A.

4. Seksyen 436A Kanun adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "corporation a statement as to whether or not it is a foreign company as defined in section 433A" dengan perkataan-perkataan "company, corporation, society, association or other body a statement as to its identity and the law under which it is constituted".

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Kanun Tanah Negara.

2. *Fasal 2* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 43 Kanun Tanah Negara supaya kuasa-kuasa pelupusan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri tidak lagi akan tertakluk kepada Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) berhubung dengan sekatan-sekatan terhadap pemilikan tanah oleh bukan warganegara dan syarikat-syarikat asing.

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang ini bertujuan memansuhkan keseluruhan Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) Kanun supaya membolehkan bukan warganegara dan syarikat-syarikat asing memiliki tanah tanpa sekatan.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda seksyen 436A Kanun berkehendakan sebarang badan memberi kenyataan bagi mengenalkan dirinya apabila, misalnya, memenuhi sesuatu borang di dalam Jadual Pertama.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1412.]